

MINGGUAN: Apakah yang dapat Datuk katakan tentang isu-isu menyentuh soal integriti terutama membabitkan jabatan dan pegawai kanan kerajaan kebelakangan ini?

MOHD. TAP: Saya tertarik dengan apa yang diperkatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini bahawa kerajaan menggalakkan sikap keterbukaan. Ini termasuk kebebasan akhbar. Dengan sebab itu mungkin banyak isu dibangkitkan. Kalau dilihat akhbar-akhbar banyak melaporkan perkara-perkara yang tidak berapa baik berlaku seperti rasuah, penyelewengan kuasa dan sebagainya. Jadi apabila rakyat membaca, mungkin akan timbul persepsi tentang rasuah misalnya. Sebelum ini Transparency International Malaysia (TIM) sendiri ada mengeluarkan statistik. Disebabkan kita membaca, persepsi kita ialah "betul rasuah". Walhal pada kajian-kajian yang banyak dijalankan, bukan bermakna gejala ini bertambah buruk, tetapi kerana semakin ramai yang membincangkan secara terbuka.

Adakah ini permulaan yang baik untuk melahirkan masyarakat yang lebih menghayati integriti?

MOHD. TAP: Saya fikir usaha kerajaan mewujudkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan IIM sendiri menunjukkan bahawa kerajaan serius untuk meningkatkan integriti di kalangan rakyat.

Ada pihak mendakwa kes-kes melibatkan orang politik misalnya akan 'hilang' begitu sahaja. Persepsi rakyat ialah mereka akan sentiasa 'dilindungi.' Apa komen Datuk?

MOHD. TAP: Pada saya, aduan telah dibuat, kita perlu menunggu proses seterusnya. Seperti laporan media beberapa hari ini. Saya tidak tahu sama ada dakwaan itu betul atau tidak. Sepatutnya kita lihat perkembangannya dahulu. Kalau betul individu terbabit melakukan kesalahan, saya yakin tindakan akan diambil. Tetapi jangan kita membuat keputusan sendiri. Kalau kita awal-awal lagi menjatuhkan hukuman teruklah. Saya bekerja dengan kerajaan lebih 30 tahun. Yang selalu saya dengar ialah berlaku rasuah. Tetapi saya sendiri tidak pernah mengalaminya. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan dalam satu seminar yang diadakan di utara tanah air baru-baru ini. Menurut laporan itu, satu daripada masalah yang dihadapi oleh BPR dan polis ialah orang membuat aduan tentang rasuah tidak mahu menjadi saksi. Kita menuduh orang membuat kesalahan tetapi tidak mahu membuktikannya. Contohnya, TIM mengatakan jabatan polis antara yang terdedah kepada rasuah, walhal kita boleh melihat sendiri angin perubahan di jabatan ini menuju ke arah penambahbaikan. Saya fikir penguasaan polis sekarang ini sangat positif untuk menentukan integriti di dalam jabatan mereka. Memang tidak dinafikan jika kita melihat ada yang menyalahgunakan kedudukan. Menerima rasuah, bukan sahaja polis tetapi sesiapa sahaja di dalam perkhidmatan awam. Namun kalau kita membandingkan dengan jumlah yang begitu besar, ini hanya segelintir. Bukan saya kata kalau segelintir itu okey, tetapi persepsi kita mesti diletakkan dalam satu spektrum yang betul. Saya kurang bersetuju kalau dikatakan organisasi itu sangat korup kerana hakikatnya mungkin hanya segelintir kakitangan sahaja benar-benar korup.

Isunya persepsi inilah yang selalunya mencalar keseluruhan sesebuah organisasi?

MOHD. TAP: Saya setuju. Tetapi kita tidak boleh mengatakan memang benar, sah dia rasuah sedangkan individu terbabit masih dalam proses penyiasatan. Ini baru tuduhan. Saya minta masyarakat jangan menjatuhkan hukuman sebelum siasatan lanjut dilakukan.

Imej BPR yang tercalar, bagaimana untuk memulihkan imejnya semula di mata masyarakat?

MOHD. TAP: Sekarang ada tuduhan dan ia sedang disiasat. Jika siasatan ini mendapati dakwaan tidak benar, imej BPR tidak akan tercalar. Tetapi jika didapati bersalah sekalipun, imejnya tetap sama. Bagi saya situasinya "menang-menang."

Kita selalu kata kepimpinan melalui teladan. Tetapi bagaimana hendak melahirkan masyarakat berintegriti jika pemimpin sendiri didakwa rasuah?

MOHD. TAP: Kalau betul tidak ada teladan baik mengapa kita ikut? Banyak lagi teladan mereka di dalam kedudukan sebagai pemimpin yang sangat baik. Mengapa itu tidak diikuti? Mengapa benda yang dilakukan mungkin oleh sebilangan kecil sahaja dijadikan teladan? Saya tidak menafikan memang ada pemimpin yang telah ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara kerana rasuah. Tetapi banyak lagi yang tidak langsung melibatkan diri dalam perkara-perkara tidak elok, mengapa masyarakat perlu mencontohi yang tidak baik semata-mata? Misalnya 90 peratus tidak baik, 10 peratus baik, mereka ikut yang ramai, ini saya faham. Tetapi yang melakukan kesalahan hanya segelintir.

Persepsi orang ialah yang sedikit itu mewakili yang banyak.

MOHD. TAP: Mengapa? Itu yang saya tidak berapa faham. Kalau ada dua perkara, yang ini baik, yang itu tidak baik. Yang baik ini, banyak orang buat tetapi yang tidak baik mungkin seorang atau dua orang. Mengapa kita perlu ikut contoh tidak baik. Kita ambil ranking Indeks Persepsi Rasuah (CPI), kalau tidak



Integriti makin terhakis

Mukadimah

Um - 11/3/2007

RASUAH bukanlah satu-satunya perlakuan yang boleh menjejaskan integriti seseorang individu atau organisasi yang diwakilinya. Tetapi kita terpaksa menerima hakikat bahawa rasuah adalah satu-satunya yang paling menonjol apabila memperkatakan tentang integriti.

Kerana itu untuk meletakkan integriti pada martabat sewajarnya, rasuah mesti diperangi sehingga ke akar umbi, di pelbagai lapisan tanpa mengira pangkat atau darjat. Tetapi masalahnya rakyat mempunyai persepsi bahawa memerangi rasuah hanya dikenakan kepada golongan bawahan, bukan pihak atasan.

Apabila ada dakwaan yang melibatkan tokoh tertentu dalam masyarakat dan organisasi, integriti kembali dibahaskan dan sekali gus dipersoalkan. Ada pihak pula menganggap kerena birokrasi dalam sistem perkhidmatan awam itu sendiri yang membuka ruang untuk melakukan rasuah.

Tiga tahun lalu kerajaan melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang paksi utama matlamatnya untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya. Apabila ada dakwaan salah laku yang melibatkan tokoh yang berprofil tinggi, rakyat membina persepsi bahawa integriti kita sudah banyak terhakis.

Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Dr. Mohd. Tap Salleh sendiri mengakui bahawa integriti semakin terhakis apabila nilai-nilai amalan diganti dengan tamak haloba.

"Orang berlumba-lumba mencari wang dalam pembangunan negara kita yang pesat hingga kadang-kadang hilang panduan. Kita hendak cepat kaya, nak buat kerja cara cepat tanpa usaha yang lebih," tegas Mohd. Tap.

Dalam wawancara dengan wartawan *Mingguan Malaysia*, **KU SEMAN KU HUSSAIN** dan **SITI MARIAM MD, ZAIN KHAMIS** lalu, Mohd. Tap turut mengingatkan masyarakat supaya jangan membina persepsi integriti kita di paras yang teruk hanya kerana beberapa individu yang didakwa rasuah.

DATUK DR. MOHD. TAP SALLEH

silap saya negara Finland yang terbaik dengan skor 9.7 dalam skala 1 hingga 10. Walaupun ditakrifkan sebagai negara yang kurang berlakunya rasuah tetapi rasuah masih ada, bukan tiada langsung. Maknanya di negara terbaik pun berlaku rasuah, tetapi yang lebih ramai ialah yang tidak melakukan rasuah. Begitu juga negara kita. Mungkin peratus mereka yang melakukan rasuah ini lebih sedikit, tetapi majoriti daripada kita tidak melakukannya. Kenapa rakyat Finland boleh mengikut majoriti yang baik dan tidak rasuah, tetapi kita tidak?

Apa yang saya maksudkan ialah menyalahgunakan kuasa, rasuah, melanggar undang-undang bukan disebabkan oleh kepimpinan tetapi datang daripada diri kita sendiri. Kita sebenarnya boleh membuat pilihan yang mana baik dan mana tidak baik. Kalau kita melanggar undang-undang kemudian disaman, bayar sahajalah. Mengapa pula bila kita telah melakukan satu kesilapan (melanggar undang-undang), kita hendak tambah satu lagi kesilapan - menyogok (memberi rasuah) kepada pihak berkuasa. Kalau orang lain terjun sungai, adakah kita juga akan terjun sungai? Malaysia ada 24 juta rakyat. Kalau tengok statistik yang dikeluarkan oleh TIM hanya segelintir - mungkin kurang 100 atau 150 orang melakukan rasuan.

Masalahnya, pada persepsi rakyat, orang politik selalu 'kebal'.

MOHD. TAP: Tetapi kes-kes menunjukkan orang politik di negara ini tidak kebal kerana banyak yang telah dibicarakan. Saya tidak menganggap mereka patut ada perasaan yang mereka melebihi undang-undang.

Secara keseluruhannya, bagaimana tahap integriti negara ini sekarang berbanding dahulu?

MOHD. TAP: Bukan sebab sekarang lebih teruk tetapi ada kebimbangan dalam proses kita membangun dengan pesat, kehakisan integriti ini telah mula nampak. Mungkin masyarakat menganggap sekarang ini integriti kita sudah teruk. Sebab itu kerajaan mewujudkan PIN dan IIM. Sebenarnya tidak. Kalau kita lihat 10 tahun lepas, kerajaan telah mengadakan beberapa polisi untuk mengukuhkan integriti perkhidmatan awam. Kalau tidak silap, sehingga hari ini ada 34 pekeling. Adanya beberapa polisi seperti melahirkan kepimpinan yang baik, kita cuba menentukan ketelusan berlaku dalam perkhidmatan awam, perubahan-perubahan dari segi proses supaya mengurangkan peluang-peluang untuk memberi rasuah dan menerima rasuah.

Tetapi apa yang Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi buat selepas beliau menerajui kerajaan ialah mahu menentukan peningkatan integriti ini bukan sahaja berjalan dalam perkhidmatan awam, tetapi dilakukan juga di pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat yang berkhidmat.

Kalau kita sentuh tentang rasuah, ia bukan sahaja berlaku dalam perkhidmatan awam. Ada setengah pihak mengatakan rasuah di sektor swasta juga membimbangkan. Jadi apa yang PIN buat ialah menggembelng semuanya ini untuk diambil tindakan-tindakan tertentu. Diwujudkan IIM supaya dapat digabungkan tindakan-tindakan untuk meningkatkan etika di dalam perniagaan, keluarga dan lain-lain. Pada masa sama, kita cuba meningkatkan kesedaran bukan sahaja di kalangan penjawat awam, tetapi anggota masyarakat. Dulu tidak ada satu

Kehakisan ini sudah nampak bertambah. PIN dilancarkan kerana faktor ini. Apabila kita cuba mendapat kekayaan dengan cepat, kita tidak kisah dengan halal dan haram. Kita juga tidak kisah dengan hak orang lain. Kita semakin mementingkan diri sendiri - kiasu

- Mohd. Tap Salleh

tindakan yang khusus untuk menyedarkan pihak swasta dan masyarakat bahawa nilai etika yang baik ini perlu untuk kita menghadapi masa hadapan. Bagi saya, PIN ini tiada opsyen untuk tidak berjaya.

Adakah kehakisan integriti disebabkan dalam sistem itu sendiri wujud ruang-ruang yang membolehkan penyalahgunaan kuasa berlaku?

MOHD. TAP: Itu satu daripadanya. Satu lagi ialah mungkin kerana kita nak jadi kaya dengan cara mudah. Misalnya sedikit masa lalu ada sistem Pak Man Telo. Sekarang pula banyak orang kena tipu melabur RM5,000 kata boleh dapat sehingga RM60,000. Orang berlumba-lumba mencari wang kerana pembangunan kita terlampau pesat. Sehingga kita kadang-kadang hilang panduan. Kita nak kaya cepat, nak buat kerja dengan cara cepat tanpa usaha dan sebagainya. Kehakisan itu telah mula nampak. Justeru kita memerlukan tindakan bersepadu memabihkan masyarakat, kerajaan dan swasta.

Bagaimanapun kalau kita bercakap dari segi integriti, kita tidak boleh berkata hanya satu aspek - rasuah sahaja. Sebab rasuah hanyalah satu daripada perkara-perkara yang harus diambil tindakan. Misalnya dalam PIN ada lima objektif yang perlu dicapai pada tahun 2008. Satu daripadanya ialah mengurangkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, kedua, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam, ketiga, untuk menentukan supaya etika perniagaan dimantapkan, keempat, institusi keluarga diperkuatkan kerana sekarang kita lihat banyak masalah remaja misalnya - jenayah meningkat. Kita juga melatih dan menyedarkan guru-guru tentang perlunya mereka membantu meningkatkan integriti.

Dan hakisan ini semakin bertambah?

MOHD. TAP: Kehakisan ini sudah nampak bertambah. PIN dilancarkan kerana faktor ini. Apabila kita cuba mendapat kekayaan dengan cepat, kita tidak kisah dengan halal dan haram. Kita juga tidak kisah dengan hak orang lain. Kita semakin mementingkan diri sendiri - kiasu. Orang yang kerjanya meragut tetapi ada rumah besar dan kereta mewah, ini contoh orang tamak haloba. Sudah hidup mewah tetapi hendak lebih lagi. Caranya pula merompak hak orang lain.

Bolehkah kita mengatakan sifat materialistik dalam masyarakat menjadi penyumbang utama kehakisan integriti?

MOHD. TAP: Pada sesetengah orang, benar ini yang berlaku. Terutama kepada mereka yang tidak begitu kuat asas kekeluargaan dan nilai murni yang sepatutnya ada. Dulu di kampung-kampung sungguh pun keluarga kita tiada, kita diawasi masyarakat sekeliling - jiran-jiran akan menegur jika kita buat

benda salah. Sekarang konsep kejiranan ini sudah longgar. Tegur-menegur tidak berlaku lagi. Sedangkan ini juga integriti.

Adakah kuasa wang menyebabkan manusia lupa diri?

MOHD. TAP: Sesetengah kes benar. Di negara-negara maju, yang hidup mereka lebih selesa mengapa integriti masih tinggi? Ini semua berbalik kepada sikap sendiri. Sebenarnya kebanyakan kes bukan soal kaya atau miskin tetapi mentaliti. Kalau hendak dikatakan akibat materialistik, kenapa Amerika tidak hancur.

Pada Datuk apa yang mendorong orang melakukan rasuah?

MOHD. TAP: Satu tamak haloba, kedua, peluang, ketiga ruang, keempat bagi saya yang paling penting ialah individu itu sendiri. Ada orang mengatakan rasuah berlaku kerana gaji kurang (kecil). Saya selalu kata kalau gaji kurang berapa puluh ribu manusia di negara ini yang gaji kurang tetapi tidak mengambil rasuah. Malah orang yang mengambil rasuah ini kadangkala dia sendiri bergaji lumayan. Persoalan gaji rendah ini mungkin satu perkara tetapi bukan menjadi isu pokok.

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menunjukkan Malaysia berada di tangga 44 daripada 146 negara. Secara jujurnya adakah ini membimbangkan?

MOHD. TAP: Bimbang. Kerana jika kita di tangga ke-10 pun kita perlu bimbang. Mengapa tidak kita di tangga yang lebih baik lagi. Tetapi kita kena realistik. Ini tabiat. Usaha untuk menukarkan sikap atau pemikiran ini memakan masa bukan dalam tempoh setahun atau dua tahun, ia satu tindakan jangka panjang. Tetapi kita bernasib baik kerana kerajaan telah memulakan kesedaran ini. Cuba bayangkan kalau tiada PIN, tiada orang berbincang tentang integriti. Bagi saya kesedaran itu telah ditanam kerana keperluannya. Ada orang sinikal, mereka kata, sudah ada IIM dua tahun setengah pun soal integriti ini tidak dapat diselesaikan. Macam mana hendak menyelesaikan masalah yang telah berakar umbi bagi sesetengah orang. Selalunya orang sinikal ini, mereka sendiri yang tidak mahu berubah.

Jika kita abaikan integriti, apa yang dapat Datuk bayangkan akan berlaku di negara ini?

MOHD. TAP: Empayar Rom yang besar pun boleh hancur, bukan sebab tentera mereka tidak kuat, tetapi kerana nilai-nilai yang rosak, hilang etika dan sebagainya. Begitu juga Kesultanan Melayu Melaka yang lebih besar daripada kerajaan Majapahit mengapa boleh musnah? Kerana itulah kegagalan PIN bukan satu pilihan.